

**MAJLIS MESUARAT NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESUARATAN KE-21  
MAJLIS MESUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
KHAMIS, 13 MAC 2025**

PJL11/01/2025

1

---

**No. Soalan: PL83**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA  
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI  
AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN**

**TARIKH : 13.03.2025 [KHAMIS]**

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan (a) usaha Negara untuk mencapai '*self-sufficiency*' dalam pengeluaran padi, yang nampaknya tidak banyak perubahan meskipun menjadi agenda utama dalam '*Food Security*'; (b) perancangan Kementerian dalam menangani masalah seperti kekurangan saluran air dan infrastruktur; dan (c) tindakan Kementerian dalam memastikan perkara ini menjadi keutamaan dan dibuat secara '*whole-of-government approach*' bagi memastikan ia akan menjadi kenyataan.

**JAWAPAN:**

**[ Akan dijawab melalui Kenyataan Menteri pada 15.03.2025 ]**

---

No. Soalan: PL124

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN  
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN

**TARIKH** : 13.03.2025 [KHAMIS]

**SOALAN:**

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN menyatakan jika pihak Kementerian mempunyai langkah atau strategi yang kreatif dan inovatif dalam melahirkan petani di kalangan belia dalam sama-sama menyokong penghasilan padi negara ke arah sara diri (self-sufficiency) menjelang Wawasan Brunei 2035 dalam usaha menghasilkan tenaga yang mahir, berpengetahuan dan arif dalam bidang pertanian khususnya padi.

**JAWAPAN:**

[ Akan dijawab melalui Kenyataan Menteri pada 15.03.2025 ]

No. Soalan: PL15

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM

**TARIKH** : 13.03.2025 [KHAMIS]

**SOALAN:**

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN menyatakan strategi-strategi yang berimpak tinggi, yang boleh mentransformasikan sektor pelancongan menjadi penyumbang utama dalam meningkatkan GDP, revenue negara, dan peluang pekerjaan. Perkara ini adalah berdasarkan perancangan dalam Pelan Strategik Pelancongan yang merangkumi langkah menarik PPP dan FDIs berskala besar dengan pelabur asing terkemuka yang bertujuan membina rangkaian pelancongan kukuh, terarah, dan berdayamaju, menggunakan kelebihan (*niche*) negara.

**JAWAPAN:**

[ Akan dijawab melalui Kenyataan Menteri pada 15.03.2025 ]

---

No. Soalan: PL16

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM

**TARIKH** : 13.03.2025 [KHAMIS]

**SOALAN:**

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN menyatakan apakah langkah Kementerian untuk memperbanyakkan lagi penglibatan belia-belia tempatan dalam sektor sumber utama menggunakan teknologi moden (seperti *vertical-farming*, *hydroponic*); termasuk membantu meningkatkan nilai penghasilan, kepakaran, R&D, teknologi, pemasaran, serta akses bantuan kewangan dari institusi-institusi kewangan tempatan, bagi mengembangkan perniagaan mereka.

**JAWAPAN:**

[ Akan dijawab melalui Kenyataan Menteri pada 15.03.2025 ]

---

No. Soalan: PL129

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF

**TARIKH** : 13.03.2025 [KHAMIS]

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF** minta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan jika pihak Jabatan Perdana Menteri mempunyai strategi atau pelan tindakan bagi memastikan keberkesanan tahap efisiensi dan mempercepatkan proses pengisian jawatan kosong bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Bahagian II dan kebawah sejak dikuatkuasakan transformasi pengambil alihan sistem pengambilan dan pengisian jawatan kepada Kementerian-kementerian masing-masing.

**JAWAPAN:**

Kaola terlebih dahulu mengucapkan terima kasih atas pertanyaan yang telah dikemukakan berhubung dengan strategi dalam meningkatkan kecekapan dan mempercepatkan proses pengisian jawatan kosong bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Bahagian II dan ke bawah, khususnya melalui peralihan proses pengisian jawatan kosong kepada Kementerian-Kementerian.

Sepertimana yang dimaklumi, inisiatif ini membolehkan setiap Kementerian untuk mengendalikan proses pengisian jawatan kosong Bahagian II dan ke bawah di Kementerian masing-masing. Dalam perkara ini, adalah diakui bahawa pihak Kementerian adalah masih dalam fasa pembelajaran (*learning phase*) sejak proses peralihan pengisian jawatan kosong ini mula dilaksanakan, maka ianya memerlukan masa untuk membangun dan mengukuhkan sumber yang diperlukan termasuk jumlah tenaga kerja dan set kompetensi untuk memberkesan proses pengambilan. Dimaklumkan juga beberapa cabaran yang dihadapi oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- I. Meneliti dan memperakukan pemohon yang berjumlah tinggi secara manual. Dari 1hb April 2024 sehingga 28 Februari 2025, jumlah permohonan tertinggi bagi jawatan-jawatan peralihan adalah:
  - Bahagian II - 58 jawatan dengan purata pemohon seramai 2,657 bagi setiap iawatan;
  - Bahagian III - 52 jawatan dengan purata pemohon seramai 5,475 bagi setiap jawatan;
  - Bahagian IV - 39 jawatan dengan purata pemohon seramai 5,520 bagi setiap jawatan; dan
  - Bahagian V - 16 jawatan dengan purata pemohon seramai 6,036 bagi setiap jawatan.
- II. Penyediaan dan pengesahan soalan untuk Ujian Berkomputer yang memerlukan penelitian terperinci bagi menepati garis panduan yang ditetapkan. Ini bertujuan untuk menilai tahap kompetensi dan pengetahuan calon-calon selaras dengan tugas dan tanggungjawab yang dipohonkan. Dari 35 jumlah jawatan yang telah selesai diteliti soalan-soalannya, sebanyak 32 jawatan dikembalikan untuk dikemaskini di mana 391 daripada 1690 soalan (23%) telah didapati tidak sesuai digunakan untuk ujian berkomputer; dan
- III. Urus Setia Pengambilan Kementerian juga melaksanakan tugas-tugas lain dan belum mempunyai pegawai atau kakitangan yang khusus untuk menjalankan kerja-kerja pengambilan.

Bagi menangani cabaran-cabaran berkenaan, usaha berterusan dilaksanakan dalam memberkesan proses pengisian jawatan kosong melalui pelbagai platform termasuk di peringkat Jawatankuasa Tanggagaji dan Syarat-Syarat Perkhidmatan (JTG) dan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Di peringkat JTG, dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penubuhan **Bahagian Sumber Manusia** dan **tambahan jawatan** di setiap Kementerian bagi bahagian tersebut, yang akan memfokuskan kepada perancangan, pengurusan dan pembangunan sumber manusia. Penubuhan bahagian ini adalah merupakan dokongan kepada usaha mempercepatkan proses pengambilan tenaga kerja, dan memastikan proses berkaitan adalah teratur, lancar dan konsisten.

Manakala Pejabat SPA akan terus memainkan peranan dalam memantau keberkesan proses pengisian jawatan kosong dengan kerjasama pegawai fokal di kementerian-kementerian. Ini termasuk mengambil langkah proaktif untuk

membimbing dan memberi sokongan kepada setiap Kementerian bagi memastikan proses pengisian jawatan dilaksanakan dengan cekap, sistematik, dan telus. Antara usaha-usaha yang dikendalikan oleh Pejabat SPA adalah:

**PERTAMA, Pejabat SPA** melaksanakan **lawatan** secara berterusan untuk membimbing dan memberi sokongan kepada **Urus Setia Pengambilan Kementerian**. Sejak **8 Mei 2024 hingga 8 Februari 2025**, sebanyak **91 lawatan atau roving ke Kementerian-Kementerian** telah dilaksanakan untuk memastikan ketelusan dan pematuhan garis panduan pengambilan proses termasuk aspek kerahsiaan maklumat-maklumat.

Usaha **KEDUA** Pejabat SPA, ialah dengan memperkenalkan **Smart Screening** secara berfasa, yang bertujuan untuk mempercepatkan proses perakuan (*shortlisting*) pemohon secara automatik. Sistem ini mula digunakan pada 15 Februari 2025. Fasa Pertama meliputi kelulusan, pengalaman kerja, dan maklumat peribadi, manakala Fasa Kedua merangkumi kriteria khusus seperti peperiksaan kerajaan, program pembangunan eksekutif, kursus IPA, dan peperiksaan kesetiausahaannya. Menurut Pejabat SPA, ujicuba bagi fasa pertama menunjukkan ketepatan 99.9% dalam pemilihan pemohon daripada sampel 1,000 pemohon bagi beberapa jawatan.

Usaha **KETIGA** Pejabat SPA pada penghujung tahun lepas, ialah melancarkan **Kempen Langis Pengiklanan** bagi mempercepatkan proses pengiklanan jawatan kosong serta mengurangkan backlog. Sebanyak 86 jawatan telah dihadapkan kepada Pejabat SPA dan sehingga **27 Februari 2025**, sebanyak **77** jawatan sudah selesai diproses manakala **9** jawatan masih dalam penelitian Pejabat SPA. Dalam perkara berkaitan, ke arah mengelakkan kelewatan peringkat ujian, Urus Setia Pengambilan Kementerian diberikan tempoh 40 hari untuk memastikan ketepatan skim soalan, iaitu dari tarikh iklan dikeluarkan hingga ujian dijadualkan.

Melalui pelaksanaan pelbagai usaha di atas, adalah diharapkan proses pengisian jawatan di Kementerian masing-masing akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan, teratur dan cepat serta berintegriti dalam pemilihan calon yang paling berkelayakan untuk berkhidmat dengan pihak Kerajaan.